

NO. SOALAN: 524

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MANIVANNAN A/L
GOWINDASAMY
[KAPAR]**

SOALAN :

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan telah mengenal pasti lokasi untuk membina loji nuklear dan bagaimanakah Kerajaan akan memastikan keselamatan loji agar tidak membahayakan alam sekitar dan orang awam.

JAWAPAN: **YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga kini, Kerajaan masih belum membuat sebarang keputusan mengenai penggunaan tenaga nuklear untuk penjanaan elektrik di Malaysia.
2. Tumpuan utama dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) adalah terhadap komunikasi awam mengenai keperluan dan perbekalan tenaga negara, termasuk tenaga nuklear dan sumber-sumber lain, serta pembangunan perundangan dan kawalseliaan untuk penggunaan tenaga nuklear, seperti dinyatakan dalam Kertas Strategi nombor 17 bertajuk Penggunaan Tenaga yang Mampan bagi Menyokong Pertumbuhan di bawah RMK11.
3. Oleh itu, kajian pemilihan lokasi yang sesuai untuk pembinaan loji janakuasa nuklear masih belum dimulakan pada peringkat ini.

Sekian, terima kasih.